

## Hubungan Jalinan Laluan Sutera Maritim antara Semenanjung Tanah Melayu dengan Siam Sejak Abad 14 Masihi Melalui Bukti Arkeologi Maritim

Maritime Silk Road Link Between the Malay Peninsular and Siam Since the 14th Century Through Maritime Archaeological Evidence

ASYAARI MUHAMAD

### ABSTRAK

*Artikel ini membincangkan isu berkenaan hubungan dua hala antara Tanah Melayu dengan Siam berdasarkan bukti arkeologi maritim sejak abad ke-14 Masihi. Kajian arkeologi bawah air oleh Sten Sjostrand (1998-2002) dan terkini oleh penulis sendiri (2015-2016) jelas membuktikan wujud hubungan dua hala dari aspek perdagangan di antara kedua-dua buah negara melalui medium laluan maritim. Kajian arkeologi menyelamat atau “Salvage Archaeology” serta ekskavasi arkeologi bawah air telah berjaya menemukan pelbagai bukti berhubung dengan isu ini. Beberapa tapak kapal karam yang telah diterokai seperti Singtai Wreck, Turiang Wreck, Royal Nanhai Wreck dan terkini Bidong Wreck berjaya membuktikan hubungan dua hala antara Tanah Melayu dan Siam sejak abad ke-14 Masihi melalui artifak perdagangan seperti seramik Sawankhalok, Sukhothai yang banyak ditemui di kesemua tapak kapal karam tersebut. Kajian terkini di beberapa tapak produksi artifak ini baru-baru ini telah menguatkan lagi bukti tersebut. Di Sukhothai, Sawankhalok, Si-Satchanalai dan Menam Noi merupakan tempat pengeluar utama artifak seramik Siam sejak abad ke-14 Masihi lagi dan kebanyakannya artifak tersebut dieksport ke merata tempat. Dengan adanya kajian arkeologi maritim sebelum ini dan terkini oleh penulis, dapat menambahkan lagi bukti kukuh selain daripada bukti sumber bertulis yang menyatakan wujudnya hubungan dua hala antara Tanah Melayu dengan Siam.*

*Kata kunci:* Arkeologi maritim; laluan sutera maritim; ekskavasi arkeologi; Salvage arkeologi

### ABSTRACT

*This article discusses prevalent issue of the two-way relationship between the Malay Peninsula and Thai according to maritime archaeological findings dated from the 14th century AD. Maritime excavations under the wings of Sten Sjostrand (1998-2002) and by the researcher himself (2015-2016) proves that there was indeed a mutual relationship between these two kingdoms involving trades through the waterways. Through “salvage archaeology” coupled with maritime archaeological excavation, has brought forth numerous shreds of evidence associated with the issue at hand. A number of shipwreck sites that were discovered earlier like Sintai Wreck, Turiang Wreck, Royal Nanhai Wreck and the latest Bidong Wreck, has further proven the relations between these two kingdoms since the 14th century AD; through the discovery of artifacts involving trades like ceramic, Sawankhalok and Sukhothai that were abundant on all shipwreck sites. The latest research administrated on a few of these artifact production sites recently has strengthened the proof of their international relations. Sukhothai, Sawankhalok, Si-Satchanalai and Menam Noi were the main producer of ceramics back in the day prior to the 14th century AD and most of the artifacts were exported all over the globe. With the help of maritime archaeological research from the past and the recent excavation in this research verified the relationship between the Malay Peninsula and Thai.*

*Keywords:* Archaeology Maritime; maritime silk route; archaeological excavation; archaeological salvage

### PENGENALAN

Laluan maritim sutera atau juga dikenali sebagai “*The Maritime Silk Route*” telah wujud sejak sekian lama. Laluan maritim sutera ini secara amnya boleh dibahagikan kepada dua aliran/laluan. Pertama, melalui jalan laut, dan kedua melalui jalan darat (Benua Eropah, Timur Tengah, Asia). Namun

demikian, terdapat satu lagi jenis laluan yang sering diperkatakan oleh pengkaji sejarah, arkeologi dan antropologi yang dikenali sebagai “*The Spice Route*” atau laluan rempah ratus. Laluan rempah ratus ini lebih menjurus kepada isu perdagangan hasil rempah ratus yang berasal dari benua Timur Tengah hingga ke seluruh dunia. Laluan yang kerap digunakan untuk istilah Laluan Rempah Ratus

ini adalah melalui jalan air/laut. Perihal pentingnya peranan laluan maritim sutera sering dikaitkan dengan perkembangan hasil perdagangan sutera di Tanah Besar Cina yang begitu masyhur sejak abad pertama Masihi lagi. Melalui perdagangan sutera inilah, bahan dagangan lain seperti seramik Cina disebarluaskan di seantero dunia.

Sejarah awal semenanjung Tanah Melayu terutamanya sekitar abad pertama Masihi hingga abad ke-17 Masihi, terdapat banyak bukti arkeologi yang menjelaskan isu tersebut iaitu tentang peranan laluan sutera maritim ini terhadap impak geo-ekonomi, geopolitik dan geo-sosial di rantau ini. Melalui kajian arkeologi sama ada di darat atau pun di bawah air, terdapat banyak bukti peninggalan pelbagai jenis artifak yang membuktikan wujudnya tamadun awal di Alam Melayu ini melalui medium laluan tersebut. Artifak seperti kapal karam, seramik, kepingan wang syiling, logam, kaca, manik dan sebagainya sering ditemukan semasa kajian arkeologi dibuat.

Sumber sejarah atau sumber bertulis oleh para pedagang, mubaligh dan pemerintah baik dari luar dan tempatan sering merekodkan perjalanan, arah tuju serta barang yang dibawa sama ada untuk berdagang, menjajah atau menyebarkan pengaruh agama. Misalnya, dalam Sejarah Melayu ada menyatakan tentang hubungan kerajaan di Tanah Melayu dengan Siam. Isu-isu yang berkaitan dengan peperangan, perdagangan serta hubungan diplomasi politik di antara kedua-dua buah negara terdapat dalam catatan tersebut.

Arkeologi Maritim adalah istilah yang digunakan untuk merujuk kajian masa lepas manusia. Istilah ini mula diperkenalkan oleh Jacques Spon pada abad ke-17 dan berasal dari perkataan Yunani, *arkhailegria* yang membawa maksud ***discourse about ancient things***. Umumnya, arkeologi merupakan satu bidang ilmiah yang mengkaji kebudayaan dan persekitaran masa lampau manusia berdasarkan tinggalan budaya benda (*material culture*) dan ekofak. Lantaran sejarah perkembangan manusia yang panjang menghasilkan kepelbagaiannya tinggalan budaya benda dan persekitaran fizikal, maka wujud juga kepelbagaiannya kajian bidang arkeologi. Secara langsung membawa kepada kelahiran sub disiplin baharu bersesuaian dengan sifat ilmu arkeologi yang dinamik dan pantas berkembang seiring dengan teknologi, idea, dan sentiasa mengarah kepada penemuan terbaharu.

Meskipun arkeologi lahir daripada kajian ke atas tapak di daratan khususnya zaman prasejarah, hal ini tidak menghalang kelahiran bentuk kajian arkeologi

yang lain. Misalnya, kajian arkeologi bawah air yang berbeza daripada segi kerja, letakan, dan ciri tinggalan budaya hanyalah perbezaan fizikalnya. Pengertian dan matlamat asasnya tetap kekal sebagai ilmu yang mengkaji dan merekonstruksi masa lampau. Hanya sebagai asas kepada bidang arkeologi yang mengkhusus kepada kajian di bawah air. Bermakna, arkeologi bawah air hanyalah satu pelabelan untuk semua kajian arkeologi yang dijalankan di tapak bawah air ataupun istilah induk bagi disiplin arkeologi yang tapaknya bersifat akuatik (Basley Bee Basrah Bee & Bilcher Bala 2005).

Sejajar dengan beberapa perkembangan penyelidikan Arkeologi Maritim di Malaysia sejak awal tahun 1990 sehingga 2000-an, difikirkan suatu kewajaran untuk merancang satu penyelidikan arkeologi maritim di Terengganu secara holistik. Penemuan secara tidak sengaja sebuah kapal karam yang terletak di perairan Pulau Bidong, di perairan pantai timur Semenanjung Malaysia menjadi pemangkin kepada tercetusnya idea untuk merealisasikan hasrat ini.

#### LATAR BELAKANG SEJARAH PENYELIDIKAN ARKEOLOGI MARITIM DI MALAYSIA

Hakikatnya, sehingga ke hari ini, tiada seorang pun dalam kalangan warga tempatan khususnya rakyat jati Malaysia yang mengendalikan satu program atau penyelidikan secara menyeluruh tentang Arkeologi Maritim di Malaysia terutamanya tentang Ekskavasi tapak kapal karam di Malaysia. Perkara ini hanya dilakukan oleh para penyelidik dari barat dan dibantu oleh beberapa kakitangan pegawai muzium tempatan. Natijahnya, sampai bilakah kita bergantung kepada pakar luar untuk membongkar dan menyelongkar rahsia sejarah dan warisan yang terdapat pada tapak kapal karam di perairan kita? Nama-nama seperti Sten Sjostrand, Michael Hatcher sering menjadi sebutan dalam kalangan penggiat bidang ini bukan sahaja di Malaysia malah di rantau ini. Justeru itu, adalah difikirkan bahawa perlu adanya pakar tempatan sendiri yang boleh mengendalikan kerja-kerja penyelidikan arkeologi maritim sejarah dengan perkembangan korpus ilmu arkeologi terkini yang bersifat lebih holistik.

Daripada aspek sejarah penyelidikan arkeologi maritim di Malaysia terutamanya kajian terperinci mengenai kapal karam, kita sering bergantung kepada penyelidik luar itu. Sten misalnya telah

berjaya menggeladah hampir 10 buah kapal karam di seluruh perairan Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Kapal karam yang telah diterokai oleh beliau itu mempunyai nilai harta berupa barang artifak seperti seramik dari China, Thailand, Eropah, Vietnam, barang logam, senjata serta lain-lain yang tidak ternilai harganya. Walaupun ada perjanjian konsesi peruntukan 30% kepada pihak Kerajaan Malaysia dan 70% kepada syarikat yang mengendalikan projek tersebut, namun ini semua dikira masih tidak sepadan dengan apa yang kita fikirkan selama ini. Nama-nama tapak kapal karam seperti Turiang wreck (+/- 1,370), Nanyang wreck (+/- 1,380), Longquan wreck (+/- 1,400), Royal Nanhai wreck (+/- 1,460), Xuande wreck (+/- 1,500), Singtai wreck (+/- 1,550), Nassau wreck (+/- 1,606), Risdam wreck (+/- 1,727), Diana wreck (+/- 1,817) dan Desaru wreck (+/- 1,830) telah berjaya digali oleh pengkaji tersebut.

#### SEJARAH PENYELIDIKAN ARKEOLOGI MARITIM DI MALAYSIA

TURIANG WRECK (+/- 1,370)
NANYANG WRECK (+/- 1,380)
LONGQUAN WRECK (+/- 1,400)
ROYAL NANHAI WRECK (+/- 1,460)
XUANDE WRECK (+/- 1,500)
SINGTAI WRECK (+/- 1,550)
NASSAU WRECK (+/- 1,606)
RISDAM WRECK (+/- 1,727)
DIANA WRECK (+/- 1,817)
DESARU WRECK (+/- 1,830)

Sekiranya seseorang itu ingin mendalami dalam bidang arkeologi bawah air ini, sekurang-kurangnya mereka mesti mahir dan menguasai beberapa bidang yang lain. Sifat dalam ilmu arkeologi sendiri yang mementingkan pendekatan multi-disiplin serta rentas disiplin menuntut seseorang yang ingin mendalami bidang ini menguasai sekurang-kurangnya beberapa disiplin asas yang lain. Antaranya ialah seperti ilmu asas arkeologi, sejarah maritim, ilmu pelayaran, sejarah pembinaan kapal, ilmu seni artifak, ilmu menyelam, ilmu samudera serta ilmu menggunakan peralatan yang bersesuaian dengan kaedah kajian.

#### RAJAH MENUNJUKKAN MULTI-DISIPLIN DALAM ARKEOLOGI MARITIM/BAWAH AIR



#### HASIL KAJIAN (BUKTI PENEMUAN KAPAL KARAM DAN KAJIAN PERBANDINGAN)

Penemuan beberapa buah kapal karam oleh Sten Sjostrand di perairan Semenanjung Malaysia sejak tahun 1990-an hingga 2000-an, jelas membuktikan wujudnya hubungan jalinan perdagangan di sepanjang laluan sutera maritim ini. Misalnya, kapal karam Turiang (+/- 1,370), Royal Nanhai wreck (+/- 1,460) dan Singtai wreck (+/- 1,550) terdapat banyak tinggalan artifak berupa seramik Sukhothai dan Sawankhalok sejak abad 14 – 17 Masihi (Jabatan Warisan Negara).

Ketiga-tiga kapal karam ini ditemui di perairan pantai timur Semenanjung Malaysia. Turiang wreck misalnya membawa kargo bahan seramik dari Thailand, Vietnam dan Cina sejak abad ke-14 Masihi lagi. Ia adalah kapal kargo milik negara Cina yang berdagang di antara Timur dan Barat benua Asia. Artifak yang paling dominan dalam kapal kargo Turiang ini ialah seramik dari negara Thailand yang dikenali sebagai Sawankhalok dan Si-satchanalai. Sebuah lagi kapal yang mendapat perhatian pengkaji ialah Royal Nanhai yang kebanyakannya bahan dagangan atau kargo yang dibawa adalah terdiri daripada seramik Sawankhalok dan Sukhothai. Ia karam di sejauh 40 batu nautika dari perairan Kuantan dan tenggelam di dasar laut sedalam 46 meter. Kebanyakannya bahan kargo yang dikesan di dalam kapal tersebut adalah artifak dari Thailand sejak abad ke 16 Masihi iaitu pinggan mangkuk celadon hijau dari Sawankhalok dan Si-Satchanalai.



FOTO 1. Antara barang seramik dari Singtai Wreck  
*Sumber:* Jabatan Muzium Malaysia



FOTO 2. Mangkuk berpenutup Sukhothai abad 15 Masihi dari Singtai wreck.

*Sumber:* Koleksi penemuan arifak di Perairan Pulau Bidong 2012.



FOTO 3. Pinggan besar Sukhothai abad 14 Masihi dari Turing wreck.

*Sumber:* Sten Sjostrand 2002. *Turiang: a 14th century Chinese shipwreck, upsetting Southeast Asian ceramic history* JMBRAS



FOTO 4. Pinggan seladon Sawankhalok abad 15 Masihi ditemui semasa kajian dilakukan.

*Sumber:* Jabatan Muzium Malaysia

Kajian perbandingan yang dilakukan baru-baru ini telah membawa hasil yang amat memberangsangkan daripada segi penemuan data baru tentang asal usul, dapur pembakaran dan jalinan perdagangan berhubung dengan arkeologi maritim. Kajian perbandingan di luar negara terutamanya di beberapa buah negara di sekitar rantau Asia Tenggara ini mempunyai matlamatnya yang tersendiri. Antaranya ialah:

- i) Melihat dan mengkaji penemuan artifak yang terdapat hasil daripada aktiviti survei di tapak kapal karam itu mempunyai persamaan dan hubung kait dengan negara yang dilawati;
- ii) Memastikan asal usul tempat artifak yang ditemui di tapak kapal karam itu ada persamaan dengan artifak di negara yang dilawati;
- iii) Memastikan usia artifak kapal karam dengan artifak di luar negara dan melihat sejarah awal hubungan dua hala antara Malaysia dan negara yang dilawati;
- iv) Mengenal pasti bentuk, tradisi pembuatan kapal dagang purbakala yang ada perkaitan di antara negara yang dilawati dengan Malaysia;
- v) Mempelajari selok-belok seni pembuatan artifak, melihat tinggalan tapak dapur pembakaran tempat asal seramik yang ditemui;
- vi) Mendapatkan dan berkongsi maklumat berkaitan dengan jumpaan kapal karam tersebut dengan pakar-pakar di luar negara;
- vii) Menjalankan hubungan kerjasama di antara penyelidik tempatan dengan penyelidik luar negara dalam pelbagai aspek. Antaranya hubungan kerjasama penyelidikan di masa hadapan, mengadakan satu seminar antarabangsa berkaitan dengan topik dan penerbitan bersama.

Kajian perbandingan ini dilakukan bermula pada 26hb. Oktober 2016 sehingga 05hb. November 2016. Ia dilakukan di beberapa tempat yang difikirkan berpotensi dan ada hubung kait dengan penemuan tapak kapal karam di pulau Bidong. Antara kawasan yang dikunjungi ialah seperti di daerah Songkhla, bahagian selatan Thailand, Nakhon Si Thammarat, Chaiya dan Surathani, di daerah tengah Thailand, National Museum of Bangkok, muzium Southeast Asian Ceramic di Bangkok Universiti, Menam Noi kiln di Singburi, Sukhothai, Sawankhalok dan berakhir di Si-Satchanalai Utara Thailand.

#### TAPAK ARKEOLOGI PA-O DI SONGKHLA

Tujuan melawat ke tapak arkeologi di Pa-O ini ialah untuk melihat dua jenis seramik tembikar tanah yang sering ditemukan semasa kajian arkeologi darat dan arkeologi maritim di pesisir pantai di Pa-O dan juga di Timur Pulau jawa, Indonesia. Menurut kajian lepas, dua buah jenis tembikar tanah dikenali sebagai kendi dan mangkuk berpenutup. Kebanyakan tembikar jenis ini ditemui di perairan

Jawa dan Filipina dan berusia sejak abad ke-10-13 Masihi. Tembikar jenis ini antara yang pernah diperdagangkan sejak awal abad ke-9 – 14 Masihi. Sepanjang kajian survei dilakukan, belum terbukti adanya penemuan tembikar seperti ini.

#### NAKHON SI-THAMMARAT

Lawatan sepantas lalu di tapak bersejarah bandar Nakhon SiThamarat, selatan Thailand ini juga ingin mencari maklumat yang berkaitan dengan penemuan artifak di tapak kapal karam Pulau Bidong. Latar sejarah Nakhon Si-Thammarat ini ada perkaitannya dengan sejarah kegemilangan pemerintahan kerajaan Sriwijaya sejak abad yang ke-14 Masihi lagi. Tapak ini merupakan sebuah tapak pemerintahan Kerajaan Sriwijaya yang ke utara yang berpusat di Palembang, Sumatera.

#### CHAIYA DAN SURATHANI

Di Surathani, pengkaji sempat melawat kuil Wat Chedi. Wat atau kuil ini dibina antara abad yang ke-9 – 10 Masihi. Kuil ini merupakan antara kuil Buddha yang terawal di Surathani. Bersebelahan kuil ini terdapat kuil moden dan sebuah galeri aktiviti masyarakat setempat. Di dalam galeri ini, terdapat banyak koleksi artifak masyarakat tradisi Thailand seperti kraf tangan dan tembikar lama. Tiada informasi dan perkaitan yang jelas antara tapak kajian arkeologi Pulau Bidong dan kawasan bersejarah di sini.



FOTO 5. Chedi wat Long, di Surathani dibina sejak abad ke-9-10 Masihi.

Sumber: Asyaari Muhamad (2010)



FOTO 6. Galeri artifak masyarakat tradisi di Surathani.



FOTO 7. Tembikar berglais abad ke-19 Masihi.

#### NATIONAL MUSEUM OF BANGKOK

Terletak di tengah-tengah Bandaraya kota Bangkok berhampiran istana Diraja. Tujuan melawat di sini ialah untuk melihat koleksi artifak yang berkaitan dengan topik kajian. Waktu lawatan pada hari Isnin, kebanyakan galeri telah ditutup kerana sedang di baik pulih. Hanya dua buah galeri sahaja yang dibuka iaitu galeri kenderaan Diraja dan galeri barang perhiasan Diraja. Lawatan ke muzium ini tidak memberi sebarang maklumat yang berkaitan kerana maklumat yang dikehendaki itu tidak diperoleh.

#### SOUTHEAST ASIAN CERAMICS MUSEUM DI UNIVERSITY OF BANGKOK

Kedudukan museum ini terletak di University of Bangkok di daerah Rangsit kira-kira 50 kilometer arah utara Bangkok. Muzium ini telah wujud lebih 10 tahun dahulu iaitu pada tahun 2000 dan dimiliki oleh individu yang bernama Surat Osalthanugrah. Kos keseluruhan untuk membina muzium serta pengisiannya kira-kira 300 juta Baht. Pengarah

muzium ini ialah Dr Pariwat seorang pengkaji sejarah seni terutamanya tentang seramik di Asia Tenggara. Koleksi seramik di muzium ini menempatkan ratusan ribu koleksi seramik khususnya dari Thailand. Antara koleksi seramik Thailand yang terdapat di sini datangnya dari Samkhampeng, Phayao, Lanna, Chonburi (Utara Thailand), Si-Satchanalai, Sawankhalok, Sukhothai, Pitsanulok dan Menam Noi, Singburi (Tengah Thailand) dan seramik dari tinggalan kapal karam di Asia Tenggara. Selain itu, terdapat juga koleksi seramik dari Kemboja, Vietnam, Burma dan China yang dipamerkan di muzium ini. Di sini juga terdapat koleksi seramik yang lengkap khususnya untuk pengkaji seramik di rantau ini. Matlamat melawat muzium ini ialah untuk bertemu dengan pengarah muzium tersebut iaitu Dr. Pariwat Thammapreechakorn berbincang, bertukar maklumat berkaitan dengan penemuan kapal karam di Bidong, menjalankan kerjasama penyelidikan dan penerbitan bersama. Beliau terkenal di peringkat antarabangsa dan telah menerbitkan banyak buku yang berkaitan dengan bidang kajian.



FOTO 8. Bentuk replika dapur pembakaran seramik Thailand yang terdapat di hadapan muzium.



FOTO 9. Antara koleksi seramik di muzium



FOTO 10. Koleksi seramik Thai

### MENAM NOI KILN DI SINGBURI

Kedudukan tapak Menam Noi ini berada lebih kurang 160 kilometer dari arah utara Bangkok dan terletak di daerah Singburi. Menam Noi merupakan satu kawasan yang terkenal dengan tinggalan tapak arkeologi sejak abad yang ke-14 – 17 Masihi.




FOTO 11. Tapak arkeologi Mae Nam Noi kiln site di Choengklad, Bangrajan, Singburi.



FOTO 12. Bangunan penerangan dan tinggalan tapak dapur pembakaran seramik sejak abad ke-14 – 17 Masihi.

Di sini terdapat sebanyak 5 bekas dapur pembakaran seramik sejak abad yang ke-14 Masihi lagi. Kesemua dapur pembakaran seramik lama Thailand itu telah di baik pulih dan dipulihara oleh Fine Art Department, Thailand sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Peri pentingnya kawasan ini ialah kerana ia merupakan salah sebuah kawasan yang pesat menghasilkan seramik Thailand selepas kegemilangan Sukhothai dan Sawankhalok sejak abad ke-14 Masihi hingga 17 Masihi. Lebih daripada 600 buah tapak dapur pembakaran seramik secara keseluruhannya terdapat di sini, namun yang tinggal hanya 5 buah sahaja yang berjaya dipulihara dan kekal hingga ke hari ini. Ini kerana yang selebihnya telah hilang dan musnah kerana pembangunan infrastruktur setempat. Daripada segi sejarah, kegemilangan kawasan ini tercetus akibat daripada serangan tentera Burma dan Lanna di Sukhothai lalu pengusaha seramik Thailand ketika itu beralih ke selatan hingga ke daerah ini. Daripada aspek geografinya pula, kawasan ini amat strategik terutamanya mempunyai persekitaran yang sesuai untuk mendapatkan sumber asli untuk menghasilkan seramik. Ia juga amat berdekatan dengan ibu kota Thailand selepas Sukhothai iaitu Ayuthaya. Kebanyakan seramik Thailand yang dieksport ke luar negara melalui daerah ini sejak abad yang ke-14 – 17 Masihi lagi. Penemuan seramik sewaktu penggalian arkeologi baik di darat mahupun di dalam laut, banyak ditemui seramik yang berasal dari daerah Sukhothai, Sawankhalok dan Menam Noi. Taburan seramik dari ketiga-tiga daerah ini banyak ditemui di Malaysia, Indonesia, Filipina, Jepun malah hingga ke Eropah. Peri pentingnya kawasan ini dilihat daripada sudut sebagai kawasan yang menghasilkan seramik dan hub-pengekspor tan ke luar negara.



PETA 1. Taburan seramik Thailand di serata Asia Tenggara.

Sumber: Museum of Menam Noi, Singburi.



PETA 2. Lokasi Menam Noi dan peranannya sebagai kawasan pengeksport utama seramik Thai ke luar negara melalui pelabuhan di Ayutthaya.

Sumber: Museum of Menam Noi, Singburi



FOTO 13. Seramik yang dihasilkan di Menam Noi kiln site sejak abad ke-15 Masihi – 17 Masihi.




FOTO 14. Bentuk dapur pembakaran yang masih terdapat di Menam Noi.



FOTO 15. Tinggalan dapur pembakaran seramik Thai yang dieksport ke luar negara.

### SUKHOTHAI

Di sini amat terkenal dengan peninggalan bahan bukti arkeologi terutamanya yang berkaitan dengan isu penghasilan seramik Sukhothai yang popular dan bahan dagangan tempatan dan antarabangsa. Perusahaan seramik Sukhothai ini telah wujud sejak akhir abad ke-14 Masihi hingga pertengahan abad ke-16 Masihi. Antara bahan seramik yang dihasilkan ialah seperti pinggan besar, mangkuk stim dan mangkuk biasa. Zaman kegemilangan perusahaan seramik Sukhothai bermula pada awal abad ke-15 Masihi. Pada waktu ini, perusahaan secara skil besar dan berkualiti untuk tujuan eksport ke luar negara dilakukan. Beberapa buah tapak tanur pembakaran seramik ini pernah dihasilkan dan sebahagianya dikenalkan ke hari ini melalui kajian arkeologi dan konservasi tapak tanur tersebut.

Kajian perbandingan yang dilakukan ini mendapati beberapa buah dapur pembakaran telah di baik pulih dan dijadikan sebagai kawasan pembelajaran berkenaan dengan perusahaan seramik Sukhothai ini. Antara tapak yang popular dinamakan sebagai '*Thu Reng Kiln site*' yang terletak di kawasan **Historical Park Sukhothai**. Dapur pembakaran yang terdapat di sini sejumlah 49 buah kesemuanya. Ia terdiri dari jenis '*Tao-takrab*' (*Up-draft kilns type*) dan '*Tao-pratun*' (*horizontal cross - draft kilns*). Tapak dapur ini menghasilkan seramik putih berglais monokrom dan seramik hitam bawah glais yang berukir. Kebanyakan seramik Sukhothai ini dilihat bertaburan di kawasan Asia Tenggara ini seperti Malaysia, Vietnam, Kemboja, Indonesia, Filipina dan hingga ke Jepun.



FOTO 16. Dapur pembakaran Thuriang di kawasan Historical Park Sukhothai.



FOTO 19. Dua jenis dapur pembakaran seramik Sukhothai yang kelihatan.




FOTO 17. Keadaan dapur pembakaran dalam proses penggalian dan pemuliharaan.



FOTO 20. Taburan tinggalan pecahan seramik di sekitar dapur pembakaran.



FOTO 18. Antara bentuk dapur yang masih kekal hingga kini.



FOTO 21. Keadaan persekitaran di Thuriang kiln site.

#### SI-SATCHANALAI / SAWANKHALOK

Si-satchanalai juga dikenali sebagai Sawankhalok semasa era pemerintahan kerajaan Sukhothai, merupakan salah satu kawasan perindustrian

tersohor seramik Sawankhalok sejak abad ke-15 – 17 Masihi lagi. Terkenalnya kawasan ini sebagai salah sebuah pusat pengeluaran seramik utama Thailand pada zaman itu disebabkan oleh beberapa faktor seperti lokasi yang strategik untuk mendapatkan bekalan bahan mentah menghasilkan seramik, sumber tanah liat yang bermutu tinggi, kegiatan utama penghasilan seramik ketika itu dan sebagai salah sebuah pusat pengkormersialan seramik Sawankhalok. Lokasi Si-satchanalai / Sawankhalok ini terletak lebih kurang 60 kilometer dari Sukhothai.

Di sini terdapat beberapa kawasan yang terkenal yang menghasilkan seramik Sawankhalok seperti Ban Koh Noi, Thureng dan Payang. Namun demikian, antara tapak dapur pembakaran yang paling pesat mengeluarkan seramik jenis Sawankhalok ini ialah di Ban Koh Noi. Berbagai jenis, bentuk, ukiran dan warna seramik dihasilkan di sini serta bermutu tinggi untuk tujuan kegunaan domestic dan dieksport ke luar negara. Aliran sungai Yom yang luas dan panjang dianggap sebagai '*feeder port*' untuk seramik jenis ini dieksport keluar melalui Sungai Ping dan ke pelabuhan di Ayutthaya.

Terdapat dua jenis bentuk dapur pembakaran yang dikenal pasti di sini. Pertama ialah jenis '*Tao Pratun (Cross-draft kiln)*' dan kedua jenis '*Tao Takrab (Vertical – up draft kiln)*'. Kedua-dua jenis dapur pembakaran ini banyak terdapat di Ban Koh Noi dan juga di Payang.

Kegemilangan perusahaan seramik di sini terkenal di rantau ini ekoran daripada kejatuhan era empayar Khmer dan juga era '*The Ming Gap*'. Salah satu teori mengatakan semasa era '*The Ming Gap*' ini, di bawah pemerintahan maharaja Hung Wu, kegiatan perusahaan seramik zaman dinasti Ming sekitar abad ke 15 Masihi disekat. Justeru itu, pengusaha-pengusaha seramik dari China berpindah ke arah selatan China hingga ke Thailand dan Vietnam. Namun demikian, penghasilan seramik di Sawankhalok waktu ini, dihasilkan mengikut cita rasa sentuhan tempatan baik daripada segi bentuk, ukiran, glais, warna dan fungsi. Jika dilihat daripada segi saiz dan bentuk dapur pembakaran pula, bentuknya dikatakan mempunyai pengaruh dari China seperti '*The Dragon Kiln*'.



FOTO 22. Salah satu tinggalan dapur pembakaran yang terdapat di bahagian luar muzium.




FOTO 23. Kesan tinggalan pelbagai serpihan seramik Sawankhalok di dapur ini.



FOTO 24. Salah satu dapur pembakaran yang terdapat di dalam muzium ini.




FOTO 25. Dapur pembakaran kedua.



FOTO 26. Antara jenis seramik yang dihasilkan di sini.



PETA 3. Peta menunjukkan taburan tapak kapal karam di Asia Tenggara yang membawa muatan keramik Sawankhalok.

Sumber: Museum of Menam Noi, Singburi

## PERBINCANGAN

Kajian perbandingan penemuan kapal karam yang terdapat di perairan Pulau Bidong dengan tapak arkeologi pembuatan seramik di beberapa buah daerah Thailand, banyak memberi pengajaran dan pembelajaran yang bermakna. Secara ringkasnya, kajian ini boleh dibahagikan kepada 3 kawasan utama iaitu di bahagian Selatan Thailand (Songkhla, Nakhon-SiThammarat, Chaiya dan Surathani), Tengah Thailand (Bangkok dan Menam-Noi Singburi) dan bahagian Utara Thailand (Sukhothai, Sawankhalok dan Si-Satchanalai).

### BAHAGIAN SELATAN THAILAND (SONGKHLA, NAKHON-SI-THAMMARAT, CHAIYA DAN SURATHANI)

Kajian awalan mendapati, tapak sejarah dan arkeologi di kawasan selatan Thailand ini tidak memberi impak yang jelas terhadap hubungan dengan penemuan kapal karam di perairan Pulau

Bidong. Maksudnya, penemuan kebanyakan artifak di tapak kapal karam itu tiada kaitan dengan kawasan di bahagian selatan Thailand. Namun demikian, daripada aspek sejarah awal yang bersumberkan kepada dokumen asing dan tempatan, terdapat hubungan yang jelas di antara kerajaan di kawasan Nakhon-Si-Thammarat, Chaiya dan Surathani itu.

Penemuan tapak arkeologi di Pa-O yang terletak di daerah Songkhla, juga berkemungkinan tiada signifikasi dengan penemuan dengan tapak kapal karam pulau Bidong. Ini kerana seramik yang dihasilkan belum di temui semasa kajian survei baru-baru ini. Seramik di Pa-O lebih awal dihasilkan iaitu sekitar abad yang ke-13 – 15 Masihi dan hanya terdapat dua jenis.

#### BAHAGIAN TENGAH THAILAND (BANGKOK DAN MENAM-NOI SINGBURI)

Dua buah muzium yang terkenal dengan koleksi seramik Thailand telah dikunjungi iaitu *The National Museum of Bangkok* dan *The Southeast Asian Ceramics Museum* di Bangkok universiti. Pemerhatian di muzium Bangkok tidak membawa sebarang maklumat yang jelas kerana kebanyakan galeri pameran ditutup ekoran kerja membaik pulih bangunan. Namun demikian, kunjungan ke muzium seramik di universiti Bangkok memberi input yang banyak terhadap kajian ini terutamanya mempelajari dengan lebih mendalam ciri-ciri setiap koleksi seramik di situ dan dibandingkan dengan jumpaan seramik di Bidong Wreck. Kunjungan ke muzium ini telah memberi input terhadap kemungkinan jumpaan artifak di Bidong itu ada kaitan yang amat rapat dengan negara Thailand.

Selain itu, lawatan ke muzium ini juga telah berjaya mengadakan kerjasama dua hala terutamanya pertukaran maklumat penyelidikan arkeologi maritim di Malaysia dengan Thailand. Hasil pertemuan dan perbincangan dengan pengarah muzium tersebut, ternyata banyak maklumat dan kerjasama di masa hadapan akan tercapai.

Kunjungan ke Menam Noi kiln site dan The Historical Park of Ayutthaya juga memberi info baru terhadap hubungan penemuan seramik di kapal karam Bidong dengan kawasan ini. Terdapat kemungkinan juga beberapa jenis artifak yang ditemui pada tapak kapal karam Bidong ini datangnya dari daerah Menam Noi, Singburi. Ini berdasarkan pemerhatian terhadap penemuan pasu bertelinga empat berglais yang diperoleh di Pulau

Bidong. Peranan sungai Ayutthaya sebagai laluan utama perdagangan sekitar abad yang ke-15-17 Masihi dianggap amat signifikan dengan kajian ini.

#### BAHAGIAN UTARA THAILAND (SUKHOTHAI, SAWANKHALOK DAN SI-SATCHANALAI)

Kajian secara pemerhatian in-situ di tiga kawasan ini adalah hasil penemuan kajian yang paling menarik. Menariknya di sini, pengkaji dapat melihat dengan jelas akan jenis dapur pembakaran pembuatan seramik Sukhothai dan Sawankhalok secara in-situ (sama ada yang telah di baik pulih di dalam galeri atau yang berada di tapak asal). Setiap peninggalan dapur pembakaran seramik di sini masih kekal walaupun usianya hampir 600 – 700 tahun dahulu. Penemuan ribuan serpihan seramik yang menyerupai penemuan seramik di tapak kapal karam Bidong, jelas menunjukkan sebahagian besar artifak kapal karam tersebut berasal dari sini.

Selain daripada melawat galeri dan tapak in-situ, persekitaran di sini juga menyokong bukti yang mengatakan betapa hebat dan besarnya pengaruh pembuatan seramik Sukhothai dan Sawankhalok di mata dunia pada abad ke-15 – 17 Masihi. Daripada aspek geografi yang dikelilingi oleh bukit bukau, dataran berpaya yang luas serta aliran Sungai Yom yang amat penting sebagai medium perolehan sumber pembuatan seramik dan sebagai laluan perdagangan. Pengkaji yang membuat kajian berkenaan seramik Sawankhalok dan Sukhothai ini, jika tidak melawat ke kawasan tersebut, ibarat tidak lengkap hasil kajian mereka.

#### RUMUSAN

Hubungan jalinan laluan sutera maritim antara Tanah Melayu dan Siam sejak abad ke- 14 Masihi amat jelas perkaitannya apabila dilakukan kajian perbandingan antara kedua-dua jumpaan artifak melalui bukti peninggalan seramik baru-baru ini. Hasil kajian telah mendedahkan banyak maklumat berkaitan dengan asal usul penemuan seramik di tapak kapal karam Bidong dengan kawasan kajian seperti di Sukhothai, Sawankhalok, Si-Satchanalai dan Menam-Noi di Singburi. Kawasan yang dimaksudkan ini berperanan sebagai pusat pengeluar utama seramik Thailand ini ke seluruh rantau Asia Tenggara malah hingga ke timur dan barat Thailand. Penghasilan seramik tersebut jelas

membuktikan bahawa ia mengambil alih sementara kegemilangan penghasilan seramik porselin Cina semasa zaman kegemilangan Dinasti Ming abad 15 Masihi. Kajian juga mendapati bahawa, pusat pengeluaran utama pada tahap awal bermula di daerah Sawankhalok, Si-Satchanalai dan Sukhothai lalu sekitar akhir abad ke-15 ia beralih ke selatan iaitu di Menam Noi, Singburi. Dari sinilah seramik tersebut mula dieksport ke pasaran antarabangsa melalui pelabuhan Ayuttaya.

Bukti penemuan kapal karam di perairan Pulau Bidong yang sarat dengan penemuan seramik itu jelas membuktikan kepada kita bahawa melalui laluan inilah seramik Thai seperti Sawankhalok dan Sukhothai itu didagangkan.

## RUJUKAN

- Asyaari Muhamad 2010. *Kajian Seni Tampak di Asia Tenggara*. ATMA, UKM
- Asyaari Muhamad. 2015. Proposal Penyelidikan Arkeologi Maritime di Perairan Pulau Bidong. Kuala Terengganu: UniSZA.
- Basley Bee Basrah Bee & Bilcher Bala. 2005. *Arkeologi Maritime Malaysia*. Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah.
- Sjostrand, Sten & Roxana Brown. 2007. *Maritime Archaeology and Shipwreck Ceramics in Malaysia*. Kuala Lumpur: National Malaysia Museum.
- Sten Sjostrand 2002. Turiang: a 14th century Chinese shipwreck, upsetting Southeast Asian ceramic history *JMBRAS* 74(1): 71-109
- Koleksi penemuan artifak di Perairan Pulau Bidong 2012. Universiti Malaysia Terengganu. Kuala Terengganu.
- Jabatan Warisan Negara
- Jabatan Muzium Malaysia
- Museum of Menam Noi, Singburi

Asyaari Muhamad (Ph.D)  
Felo Penyelidik Kanan  
Institut Alam & Tamadun Melayu (ATMA)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600, Bangi, Selangor  
E-mel: asyaari@ukm.edu.my

Diserahkan: 15 Mac 2018  
Diterima: 2 Mei 2018

